

Konsep *Wasatiyyah* Dalam Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB)

Siti Sara binti Haji Ahmad, Phd¹
Zurairatul Zakiah binti DSS Haji Rajid²

Abstract: The era of globalization and the borderless world has had a slight negative impact on Muslims when Islam is often labelled as terrorism, fundamentalist, extremist and so on. The impression is more complicated when looking at Muslims as if they were not united which led them to declare war in the name of Jihad. Thus, the concept of *Wasatiyyah* was initiated on the basis of rejecting this law and thus fostering the unity of Muslims. Malay Islamic Monarchy (MIB) containing three (3) major values of "Malay", "Islam" and "Monarchy" is a unique concept held and inherited by the people of Brunei since the early reign of the Brunei Darussalam government. The concept considered as the nation's savior, religion and state is summarized in its goal of achieving the vision of "*Ummatan S*". Therefore, the methodology of the study which uses the library is aimed at discussing the role of MIB as a *Wasatiyyah* catalyst in Brunei Darussalam by touching the linkages between the MIB concept and the *Wasatiyyah* concept by indicating the *Wasatiyyah* elements contained in the MIB. It also highlighted the government's initiative to uphold this concept, especially in facing the challenges of globalization

¹ Dekan/ Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Email: sara.ahmad@unissa.edu.bn

² Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA. Email: zurairatul.hjrajid@unissa.edu.bn

through the pursuit of charitable practice in all aspects of life, and in all kinds of development towards achieving universal unity and happiness and thus the happiness and pleasure of Allah Subhānahu wa Ta'ālā in the hereafter. At the end of this paper, we find that the philosophy of MIB conforms to the concept of *Wasatiyyah* from its role in maintaining the well-being of the nation, religion and monarchy in the context of the "*Ummatan Wassatan*".

Keywords: Malay Islamic Monarchy, *Wasatiyyah*, Brunei Darussalam, Islam.

Abstrak: Era globalisasi dan dunia tanpa sempadan sedikit sebanyak telah memberi impak negatif kepada umat Islam apabila Islam seringkali dilabelkan sebagai agama terroris, fundamentalis, ekstrimis dan sebagainya. Tanggapan ini semakin rumit apabila melihat umat Islam seakan tidak bersatu padu lagi yang menyebabkan mereka berperang atas nama Jihad. Justeru, konsep *Wasatiyyah* mula dizahirkan atas dasar untuk menolak tohmahan ini sekaligus memupuk nilai perpaduan dalam kalangan umat Islam. Melayu Islam Beraja (MIB) yang mengandungi tiga (3) nilai utama iaitu "Melayu", "Islam" dan "Beraja" merupakan satu konsep unik yang dipegang dan diwarisi oleh masyarakat Brunei semenjak pemerintahan awal kerajaan Brunei Darussalam. Konsep yang dianggap dasar penyelamat bangsa, agama dan negara ini terangkum di dalamnya matlamat untuk mencapai wawasan "*Ummatan Wasatan*". Oleh yang demikian, metodologi kajian yang menggunakan keadah perpustakaan ini bertujuan membahas peranan MIB sebagai pemangkin *Wasatiyyah* di Negara Brunei Darussalam dengan menyentuh hubung-kait antara konsep MIB dengan konsep

Wasatiyyah dengan menyatakan elemen-elemen *Wasatiyyah* yang terdapat dalam MIB. Di samping itu juga turut diketengahkan inisiatif kerajaan untuk memartabatkan konsep ini, terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi menerusi sudut pengamalan amal maaruf nahi mungkar dalam pelbagai aspek kehidupan, dan dalam semua jenis pembangunan ke arah mencapai perpaduan dan keharmonian sejagat dan seterusnya kebahagiaan dan keredaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* di akhirat kelak. Di akhir makalah ini mendapati bahawa konsep MIB menepati konsep *Wasatiyyah* dari sudut peranannya mempertahankan kesejahteraan hidup berbangsa, beragama dan beraja dalam konteks "*Ummatan Wasatan*".

Kata kunci: Melayu Islam Beraja, *Wasatiyyah*, Negara Brunei Darussalam, Islam.

Pendahuluan

Umat Islam seringkali dilabel dunia dengan pelbagai stigma yang mencerminkan umat ini bersikap dan bertindak secara keras, ekstrim, rigid dan sebagainya. Ini mendorong pendekatan konsep *wasatiyyah* dijadikan sebagai solusi bertujuan untuk menyuntik semula semangat perpaduan dalam kalangan manusia secara umumnya dan umat Islam secara khususnya.

Perkataan *Wasatiyyah* diambil dari kalimah Arab *wasat* (وسط) yang tergabung dari rangkaian tiga huruf, iaitu wau, sin dan tho' yang dari segi bahasa mengandungi beberapa makna seperti **keadilan** (Fairuz Abadi, 1426: 691; Ibn Faris, 1399, 6:108), **pilihan terbaik** (Ibn al-Athir, 1399, 5:184) dan **pertengahan antara dua penjur**u (al-Bayhaqi, 1423, 5:396;

Ibn al-Athir, 1399,5:184). Manakala dari sudut etimologinya, pengertian wasatiyyah masih seiring dengan pengertiannya dari sudut bahasa iaitu mencakup aspek keadilan, pilihan terbaik dan pertengahan dalam segala perkara. Menurut Syeikh Yusuf al-Qardhawi (2010) sebagai contoh, beliau mengertikan *wasatiyyah* sebagai keseimbangan dan kesederhanaan, yakni pendekatan yang berada antara dua nilai yang berbeza dan saling ekstrim. Abdullah Basmaeh (2001:55) pula menjelaskan al-Wasatiyyah sebagai tidak bersikap *al-Ghuluww* (الغلو) dan *al-Tatarruf* (التطرف) (melampau dan keterlaluan) tetapi bersikap sederhana dan seimbang dalam segala aspek seperti menganut kepercayaan, akhlak, amalan dan sebagainya.

Menyedari kepentingan pelaksanaan konsep keseimbangan dalam semua aspek kehidupan ini, dunia Islam mula mengatur langkah dengan berbagai usaha menyebarkan pendekatan *Wasatiyyah* bagi memastikan pendekatan ini difahami, dihayati dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian. Di Brunei Darussalam, konsep *Wasatiyyah* ini sudah lama dilaksanakan dan diamalkan sekian lama, namun kefahaman masyarakat Islam tentang konsep ini masih belum jelas lagi dan memerlukan kajian yang lebih mendalam, malahan segelintir masyarakat menganggapnya sebagai sesuatu yang baru diada-adakan sedangkan tanpa disedari elemen-elemen wasatiyyah ini sebenarnya terkandung di dalam falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

Justeru, pengkaji merasa terpenggil untuk merungkai permasalahan ini lebih-lebih lagi melihat Brunei pada masa

ini berhasrat kuat untuk menjadi sebuah Negara Zikir, iaitu sebuah negara yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan mempraktik amal maaruf dan nahi mungkar dalam semua aspek kehidupan, di samping tidak mengenyepikan kemajuan dan pembangunan duniawi. Oleh yang demikian, perbincangan dalam kertas kerja ini secara umumnya akan terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama meninjau konsep *ummatan wassatan* dan konsep MIB. Bahagian kedua pula menyentuh tentang hubungan-kait antara konsep MIB dengan konsep *Wasatiyyah* dengan menyatakan elemen-elemen *Wasatiyyah* yang terdapat dalam MIB di samping memuatkan peranan MIB sebagai pemangkin konsep wasatiyyah dengan mengetengahkan inisiatif kerajaan untuk memartabatkan konsep ini, terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Konsep *Ummatan Wasatan*

Wasatiyyah sebenarnya merupakan perkataan yang dikembangkan daripada ungkapan *ummatan wasatan* seperti yang dijelaskan dalam al-Quran, firman Allah Ta'ala: (al-Baqarah: 143):

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا﴾

143. Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.

Cendekiawan Muslim mempunyai pandangan mereka sendiri dalam mengupas pengertian *ummatan wasatan*. Antaranya menurut Syed Qutb (2000:95), *ummatan wasatan* bermaksud umat Islam adalah umat yang adil dalam segala erti keadilan, sama ada keadilan yang memberi maksud kebaikan dan kelebihan, kesederhanaan atau duduk ditengah-tengah. Senada dengan penafsiran ini adalah Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi (2004) dalam memperincikan lagi maksud umat yang adil dan terpilih ini dengan membawa beberapa konsep dan ideologi pemikiran manusia moden, umpamanya dalam sistem ekonomi yang berbentuk kapitalis dan sosialis, yang hanya akan membawa kepada berlakunya krisis dalam masyarakat umat manusia dan yang mungkin tidak dapat diselesaikan kecuali dengan memberi jalan penyelesaian dari sistem umat Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* sebagai *ummatan wasatan*. Oleh itu sistem ekonomi Islam yang dibina atas konsep ini merupakan satu sistem yang adil bagi semua umat manusia.

Ummatan wasatan ini kemudiannya diertikan oleh M.Quraish Shihab (1996:328-329) sebagai umat sederhana, pertengahan dan seimbang antara aspek rohani dan jasmani, material dan spiritual termasuk segala sikap dan perbuatan. Selain itu, Prof Dato Dr Ismail bin Ibrahim (2011) pula menyatakan umat Islam sebagai *ummatan wasatan* adalah umat yang bermaruah, mempunyai jati diri dan melihat kepada dunia dan akhirat.

Dari penjelasan ini, dapat disimpulkan bahawa untuk menjadi *ummatan wasatan*, sebuah umat atau bangsa perlu

menghayati dan menerapkan elemen-elemen *Wasatiyyah*. Melalui penjelasan takrif di atas, beberapa elemen wasatiyyah yang dikenal pasti meliputi aspek: adil, sederhana dan seimbang, menuntut dunia dan akhirat, bermaruah dan mempunyai jati diri. Elemen-elemen ini sebenarnya sudah wujud di dalam konsep MIB yang dijadikan sebagai panduan dalam pentadbiran dan pembangunan di Negara Brunei Darussalam. Untuk itu dijelaskan terlebih dahulu konsep MIB sebelum membuat penilaian lanjut tentang hubung-kait konsep MIB dan *Wasatiyyah*.

Konsep Melayu Islam Beraja

Unsur MIB ini wujud dan diwarisi sejak abad ke-15 lagi, semenjak Sultan Brunei pertama, Awang Alak Betatar memeluk Islam dan menukar namanya kepada Sultan Muhammad (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1996). Falsafah MIB ini kemudiannya dimaktubkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 1 Januari 1984, yakni tahun ketujuh belas Baginda berada di atas takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Baginda bertitah:

“Negara Brunei Darussalam dengan izin dan limpah kurnia Allah *Subhanahu wa Taala* akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja, merdeka, berdaulat dan demokratik berasaskan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan

berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan” (Mohd Zain bin Haji Serudin, 2013:4).

Tiga unsur penting dalam konsep MIB ditakrifkan oleh Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam seperti berikut:

MELAYU: Hak bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

ISLAM: Agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Shafi'i yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul.

BERAJA: Pemerintahan beraja, iaitu Sultan selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat baginda memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara (Badaruddin Haji Othman, 1995).

Dalam konsep ini, komponen Islam diletakkan ditengah-tengah antara Melayu dan Beraja kerana Islam bertindak selaku sandaran untuk memperbaiki dan memperbetulkan unsur-unsur negatif yang terdapat dalam tradisi masyarakat Melayu dan sistem Beraja. Islam dilihat berperanan sebagai teras atau pemangkin MIB dan dianggap sebagai komponen paling penting umpama “nyawa” atau “nadi” MIB; tanpa Islam MIB tidak boleh bergerak, lumpuh dan tidak berfungsi, (Mahayudin Haji Yahaya, 2014: 32-33) di samping dua komponen yang tidak kurang pentingnya iaitu Melayu dan Beraja yang saling berkait dan memerlukan

antara satu sama lain dalam memberi jaminan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan, kebajikan dan kebahagiaan rakyat. (Md. Zain Serudin, 1998:43).

Matlamat MIB berhasrat untuk memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan demokratik Negara Brunei Darussalam yang bersendikan ajaran Islam menurut aqidah Ahli Sunnah wal-Jamaah, berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan dengan petunjuk dan redha Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, ke arah mewujudkan Negara Brunei Darussalam sebagai “sebuah negara yang aman dan makmur serta mendapat keampunan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*” (*baldatun thoyyibatun wa rabbun ghafur*) (Md. Zain Serudin 1998).

Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (2010:7) menjelaskan secara ringkas Melayu Islam Beraja dapat difahami sebagai falsafah yang dicetuskan daripada kebiasaan atau cara hidup orang Brunei. Ia membawa erti bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah Negara Melayu yang berpandukan kepada agama Islam dengan bersistamkan pemerintahan beraja. Ketiga-tiga komponen ini (Melayu, Islam dan Beraja) telah meresap dan sebatikan dalam kehidupan masyarakat Brunei hingga menjadi peraturan dan cara hidup yang lengkap serta calak atau identiti bagi bangsa Brunei.

Berlandaskan konsep MIB, kemakmuran rakyat, serta kesejahteraan seluruh penduduknya sangat menjamin perpaduan dan keamanan dengan pimpinan di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izaddin Waddaulah. Dengan konsep Melayu Islam Beraja ini jua

Negara Brunei dapat membangun dengan masyarakat yang sihat dengan membekalkan keIslaman yang murni.

Hubung-Kait Konsep Mib Dan Konsep Wasatiyyah

Perpaduan dan keamanan yang dinikmati seluruh pelusuk rakyat Brunei Darussalam, menggambarkan bahawa masyarakat Brunei adalah masyarakat yang *moderate* dan mengamalkan konsep *Wasatiyyah* sama ada disadari atau pun tidak, impak daripada pengaplikasian Islam sebagai teras dalam semua aspek kehidupan di mana konsep MIB dijadikan sebagai wasilah kepada konsep keseimbangan ini. Beberapa elemen *wasatiyyah* dikenal pasti merangkumi aspek adil, sederhana dan seimbang, menuntut dunia dan akhirat, bermaruah dan mempunyai jati diri. Penjelasan seterusnya akan cuba mengupas peranan MIB sebagai pemangkin *Wasatiyyah* dengan membincang elemen-elemen *Wasatiyyah* yang terdapat di dalam setiap komponen Melayu, Islam dan Beraja.

Wasatiyyah dalam komponen Melayu:

Istilah 'Melayu' dalam konsep Melayu Islam Beraja bermaksud bahawa Negara Brunei Darussalam adalah negara 'Melayu' yang mengandungi tujuh puak iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayaan, Murut dan Tutong (Brunei Nationality Enactment, 1962,4:1). Tujuh puak ini diklasifikasikan sebagai puak-puak jati tulen bangsa Melayu Brunei iaitu selaku 'rakyat sultan dengan kuat kuasa mutlak undang-undang'. Manakala bangsa lain selain tujuh bangsa dan puak tadi masih berhak diiktiraf menjadi rakyat secara berdaftar melalui syarat-syarat yang telah ditentukan antaranya tempoh bermastautin selama 15 tahun dan sudah berada di Brunei selama 25 tahun selain

menjalani ujian khusus (lisan dan tulisan). (Brunei Nationality Enactment, 1962, 5:1&5).

Melalui pengiktirafan itu menunjukkan Brunei bersikap moderate dengan tidak bersikap perkauman atau taksub ke atas sesuatu bangsa melalui keterbukaan menerima bangsa lain sebagai rakyat dan dalam masa yang sama memelihara identiti bangsa jati Brunei iaitu bangsa Melayu. Walaubagaimanapun, kepelbagaian bangsa dan agama di Brunei Darusslaam ini dijelaskan oleh Pehin Badarudin (Mac 1989:12) hanyalah merupakan satu *phenomenon* sahaja dan bukan bermaksud sebagai satu ikatan kepada kerajaan Brunei untuk mengamalkan semua nilai-nilai yang ada pada semua bangsa, dan bukan juga sebagai ukuran perseimbangan antara semua kepentingan bangsa-bangsa yang berlainan kebudayaan dan agama dalam amalan rasmi negara, sebagaimana yang berlaku di kebanyakan negara luar.

Isu perkauman atau anti-asing seperti yang cuba digemburkan oleh pihak luar tidak timbul kerana negara ini sememangnya dimiliki oleh bangsa Melayu yang mendominasi keramaian penduduk dengan unsur pemerintahan dan kebudayaan serta kegiatan hariannya berlandaskan konsep MIB. Istilah Melayu juga bermaksud orang-orang Melayu yang mengamalkan nilai-nilai tradisi atau kebudayaan Melayu yang mempunyai unsur-unsur kebaikan dan menguntungkan (Brunei di Tengah-Tengah Nusantara, 1994:224) seperti bersopan-santun, hormat-menghormati, beradab dan berakhlak dan sebagainya. Dengan menerapkan nilai-nilai murni Melayu seperti sikap 'kekitaan', kemuafakatan, hormat-menghormati, bertolak-

ansur dan bertoleransi berlandaskan Islam, perpaduan semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa dapat dibentuk dan perpecahan dapat dihalang. Nilai-nilai murni ini sememangnya bertepatan dengan konsep Wasatiyyah yang menitik-beratkan aspek keseimbangan dan adil. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* (surah Ali-Imran: 103):

﴿وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا﴾

103. Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai

Selain itu, nilai positif yang ada dalam komponen Melayu itu termasuk bahasa Melayu sebagai alat perpaduan yang paling efektif. Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah yang mengiktiraf keberkesanan bahasa Melayu dalam menyatupadukan masyarakat Brunei¹:

“...Dari tiga rangkaian kata Melayu Islam Beraja, terdapat unsur-unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya. Siapapun tak boleh menyangkal, bahawa bahasa Melayu itu adalah

¹ Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Sa'ifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Daerah Belait sempena menyambut ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-44 pada hari Sabtu, 21 Julai 1990 Masihi di Dewan Kemasyarakatan Daerah Belait.

satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti.”

Walaupun bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan 1959, tetapi ini tidak menghalang rakyat Brunei untuk mempelajari dan mengetahui bahasa lain, bahkan digalakkan, sehingga ada juga yang dijadikan sebagai bahasa ilmu seperti Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. (Siti Sara dan Zurairatul Zakiah, 2015). Sikap keterbukaan mempelajari bahasa asing dan tidak taksud dengan bahasa sendiri ini menggambarkan penerapan konsep keseimbangan; tidak *‘ifrat* (إفراط) dan tidak juga *‘tafrith* (تفريط) yang merupakan ciri *Wasatiyyah* di dalam konsep MIB. Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* sendiri dalam usaha berdakwah dan menegakkan Islam berlapang dada mempelajari bahasa lain seperti disebut dalam hadis dari Kharijah bin Zaid bin Tsabit, dari ayahnya; Zaid bin Tsabit, ia berkata:

“Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam menyuruhku untuk mempelajari -untuk nya- kalimat-kalimat (bahasa) dari buku (surat) orang Yahudi, Rasulullah berkata: “Demi Allah, aku tidak merasa aman dari (pengkhianatan) yahudi atas suratku.” Maka tidak sampai setengah bulan aku sudah mampu menguasai bahasa mereka. Ketika aku sudah menguasainya, maka jika nya menulis surat untuk yahudi maka aku yang menuliskan untuk nya. Dan ketika mereka menulis surat untuk nya

maka aku yang membacakannya kepada nya.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi no 2933)

Kepelbagaian medium atau bahasa penghantar dalam sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam misalnya, dapat memberi peluang dan ruang kepada masyarakatnya memilih mana-mana persekolahan sama ada bahasa penghantarnya Bahasa Melayu, atau Bahasa Inggeris, atau Bahasa Arab, atau mengabungkan ketiga-tiga bahasa tersebut. Dengan cara ini, masyarakat majmuk di Negara ini dapat mengikuti pembelajaran dengan teratur. Kepelbagaian ini tidak melupakan kedudukan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi Negara di mana Bahasa Melayu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja, Pengetahuan Ugama Islam, Tarbiyah Islamiah dan sebagainya. Di peringkat Pengajian Tinggi pula, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa penghantar di Kolej Ugama Perguruan Seri Begawan (KUPU SB), dan juga di Akademi Pengajian Brunei di Universiti Brunei Darussalam. Manakala di IPT lain penggunaan Bahasa Melayu sebahagian besarnya tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran kursus Melayu Islam Beraja.

Wasatiyyah dalam komponen Islam:

Komponen ‘Islam’ dalam MIB bermaksud Islam adalah agama yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan telah menjadi teras pemerintahan Kesultanan Brunei sejak zaman-berzaman. Islam juga adalah satu-satunya sistem yang memandu rakyat dan pemerintahan negara demi kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Komponen ini juga

secara tidak langsung menyatakan bahawa Brunei bukan sebuah negara sekular. (Aspirasi-NDP, 2009).

Pengiktirafan Islam sebagai teras kehidupan juga dikukuhkan lagi dengan dimaktubkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 sebagai Agama Rasmi Negara mengikut Mazhab Shafi'i Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Dalam bab 3 (1) berbunyi:

Ugama rasmi bagi negeri ialah ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya

Dalam bab tersebut memberi fahaman bahawa Islam menduduki tempat utama dalam bab agama berbanding agama-agama yang lain. Ini menunjukkan Islam disanjung tinggi sebagai pasak yang memandu semua aspek kehidupan. KDYMM sendiri selaku penaung ajaran Islam menekankan kesucian Islam dalam titah (Kumpulan titah KDYMM Sepanjang Tahun 1990, 1991: 49) baginda bahawa:

"Kita ini adalah benar-benar terlibat dalam Islam, bukan Islam sambil lewa, atau Islam ambil lepas, tetapi Islam yang benar-benar mantap dan rakat di hati dan di jiwa, Islam yang ikhlas, yang diadun dengan sifat amanah serta niat semata-mata kerana Allah jua....Bahawa yang besar mestilah kita besarkan, yang agung mestilah kita agungkan, dengan sedaya upaya kita. Kita tidak mengira apa pun bendanya, selama benda itu berkaitan dengan Islam, maka adalah menjadi kewajipan kita membesarkannya."

Penjulangan Islam di Brunei Darussalam juga memaparkan keseriusan Brunei dalam mempertahankan pegangan agama Islam. Dalam masa yang sama, tertulis di dalam Perlembagaan itu bahawa Brunei juga tidak menegah dan menghalang penganut agama lain dari mengamalkan agama mereka yang dibatasi dengan syarat hendaklah pengamalan ajaran selain Islam itu dalam keadaan aman dan harmoni dengan tidak mempersendakan agama lain secara amnya dan Islam secara khususnya dengan sesuka hati. Kebebasan dalam beragama ini merupakan antara elemen wasatiyah kerana Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dalam piagam Madinah memberi kebebasan kepada penduduk minoriti Madinah dalam mengamalkan ajaran agama mereka dengan toleransi, hormat-menghormati dan harmoni selaras kerana Islam sendiri tidak pernah memaksa untuk diterima ajarannya. Firman Allah Ta'ala (al-Baqarah: 256):

﴿لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ
بِالطَّغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا
أَنْفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾

256. Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat.

Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Shafi'i dalam pegangan Islam juga berjaya memartabatkan konsep Wasatiyyah dalam mewujudkan perpaduan ummah dan mencipta kehidupan harmoni dalam masyarakat Brunei.

Menyedari potensi kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Shafi'i dalam membina tamadun Islam yang unggul, KDYMM menggesa rakyat untuk terus berpegang teguh dengan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan tidak mudah terikut-ikut dengan apa jua hasutan dan pengaruh negatif demi untuk mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat dan negara. Antara lain baginda bertitah pada 18 April 2013:

“Brunei tidak pernah ketinggalan dalam perkara menghormati kebebasan bersuara dan menulis. Tetapi dalam pada itu, seperti juga di tempat-tempat lain, Brunei juga mempunyai undang-undang dan perlembagaannya. Di dalam perlembagaan ada termaktub: Aliran Ahli Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Syafi'i sebagai pegangan. Semua pihak dikehendaki untuk memahami perkara ini, tidak terkecuali juga pihak media.”(Pelita Brunei, September 2013)

Penetapan ASWJ Mazhab Syafi'i sebagai sebagai mazhab rasmi bukan bermaksud menyempitkan dunia pemikiran umat Islam dan menutup ruang berijtihad. Akan tetapi, ianya dilihat sebagai satu usaha untuk memudahkan orang awam dalam menjalankan ibadat fardu ain mereka dan mengelak dari berlaku perselisihan pendapat. (Pehin Md. Zain Serudin, 1998). Penetapan ini juga tidak menghalang daripada merujuk dan mengambil pendapat mazhab-mazhab muktabar lain (Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali) terutama dalam bidang fardu kifayah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umat Islam jika pendapat mazhab-mazhab ini dilihat lebih menepati

keperluan masyarakat seperti yang boleh dilihat dalam petikan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, 1984 tentang keharusan mengikut pendapat mazhab selain mazhab Shafi'i:

“43. (1) Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah biasanya menurut qaul yang muktamad daripada mazhab Shafi'i:

Dengan syarat bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut qaul yang muktamad sedemikian akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jikalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah yang sebaliknya, mengikut qaul yang dhaif daripada mazhab Shafi'i:

Dengan syarat selanjutnya bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut sama ada qaul yang muktamad atau qaul yang dhaif daripada Mazhab Shafi'i akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, dengan perkenan khas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengikut qaul daripada mana-mana fatwa demikian, syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikuti hendaklah dibentangkan dengan keterangan yang penuh dan bersama dengan sebarang penjelasan yang perlu.”

Secara praktikalnya pegangan satu mazhab dilihat mampu mengharmonisasikan masyarakat Islam Brunei. Menurut

Pengiran Haji Mohammad (2011), ketetapan sebegini mampu menghalang perkembangan ajaran-ajaran sesat, penyelewengan akidah, dan pemikiran anti mazhab daripada mempengaruhi minda masyarakat Islam Brunei. Walaubagaimanapun dalam beberapa keadaan, masyarakat Brunei turut menerimapakai pegangan mazhab selain mazhab Shafi'i jika ianya dapat memenuhi keperluan awam dan mengelak kesukaran kepada masyarakat seperti amalan membayar zakat fitrah dengan nilai wang.¹

Wasatiyyah dalam komponen Beraja

Komponen ini memberi pengertian bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang menggunakan sistem pemerintahan beraja. Sistem ini sudah sekian lama berlangsung semenjak turun-temurun lebih 500 tahun yang lalu dan masih berterusan hingga era pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Md. Zain Serudin 1998). Sultan di dalam Institusi Beraja memerintah dan menjadi ketua negara dan seterusnya menjadi ketua pentadbir bagi pentadbiran dan pengurusan negara dan kerajaan. Kuasa Sultan yang telah dinyatakan di bawah Perlembagaan bab (4) adalah seperti berikut:

“... Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak di dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ...”

¹ Untuk lebih lanjut sila rujuk: Surat pemberitahuan Pejabat MUIB bilangan 1/2016

Kuasa yang diamanahkan di bawah Perlembagaan kepada Baginda ini ditumpukan bagi kebajikan, kesejahteraan serta keamanan rakyat dan penduduk. Ke arah itu, Baginda telah menekankan dan menggariskan ciri-ciri pentadbiran dan pengurusan jentera kerajaan yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi hasrat Baginda dan hasrat negara sebagai sebuah negara yang aman makmur. Sejarah perpaduan bangsa dan keharmonian negara telah menunjukkan bahawa sistem pemerintahan beraja telah dapat membawa negara mencapai matlamatnya. Sistem ini juga mampu membawa kebajikan dan kemaslahatan kepada masyarakat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992 telah bertitah antara lain:-

“... jika kita teliti dan perhatikan dengan jujur, membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu, adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara. Jadi dari bukti yang ringkas ini, adalah cukup untuk memberikan jaminan dan keyakinan bahawa “sistem pemerintahan beraja” yang telah kita warisi dan pelihara itu telah berhasil menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk Negara Brunei Darussalam ...” (Kumpulan Titah KDYMM, 1992)

Hubungan di antara raja dan rakyat adalah berasaskan kepada tanggungjawab timbal-balik sebagaimana jua wawasan pemerintahan tradisi “raja hendaklah adil dan rakyat janganlah menderhaka” dan sama-sama menunaikan

amanah Allah Subhanahu Wata'ala. Sepanjang tempoh pemerintahan beraja ini, pelbagai kaum, bangsa dan agama yang bernaung dibawahnya telah diberikan layanan yang adil dan saksama, lantaran usaha yang tidak kendur-kendur dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan demi memastikan bahawa kualiti kehidupan setiap penduduk dan rakyat di negara ini memenuhi semua aspek "*good governance*"¹ supaya rakyat dan negara ini sentiasa dalam keadaan tenteram aman dan makmur. Kualiti kehidupan yang dimaksudkan merangkumi aspek perlindungan menerusi undang-undang dan keadilan, aspek ketenteraman dan keselamatan rakyat dan negara menerusi penyediaan prasarana asas, pembangunan ekonomi, bantuan kesihatan dan sebagainya².

Salah satu keistimewaan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sehingga baginda

¹ Good Governance bermaksud pemerintahan/pentadbiran yang baik. Seperti yang dinyatakan United Nations High Commission for Human Rights (UNHCR), "*good governance*" ataupun pemerintahan/pentadbiran yang baik adalah seperti berikut: "... Governance is the process whereby public institutions conduct public affairs, manage public resources and guarantee the realization of human rights. Good governance accomplishes this in a manner essentially free of abuse and corruption, and with due regard to the rule of law The key question is: are the institutions of governance effectively guaranteeing the right to health, adequate housing, sufficient food, quality education, fair justice and personal security? ...". Sila lihat Ucapan Penutup Seminar Antarabangsa "*Good Governance*" anjuran Universiti Brunei Darussalam diberikan oleh YM Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah (2002).

² Untuk perbincangan lanjut berkaitan perkara ini, lihat Hazair bin Abdullah, 2004.

begitu disanjung, disayangi serta dikasihi rakyat adalah sifat pemedulian Baginda Raja terhadap rakyat. Baginda seringkali “turun padang” ke mukim-mukim dan kampung-kampung untuk melihat sendiri dengan lebih dekat keadaan kehidupan rakyat, berdamping untuk bersilaturrahi bersama rakyat serta memastikan projek-projek pembangunan negara berjalan dengan baik sebagaimana yang dihasratkan baginda.

Antara usaha dalam memberikan kebajikan untuk rakyat, kerajaan KDYMM telah mengambil inisiatif memberikan skim perumahan menerusi Rancangan Kemajuan Perumahan Negara dan Rancangan Kurnia Tanah Rakyat Jati. Kerajaan turut memberikan kemudahan skim subsidi kerajaan dalam pembekalan kepada keperluan-keperluan orang ramai seperti beras, gula, minyak petrol. Malahan, hampir pelusuk kawasan negara termasuk daerah-daerah pedalaman menikmati pelbagai kemudahan asas seperti sekolah, masjid atau surau, jalan-jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, telefon, rumah-rumah sakit, klinik-klinik perubatan dan banyak lagi kemudahan lain (HM Jubli emas, 2017).

Dari sudut pendidikan sebagai salah satu sektor utama pembangunan, telah banyak perubahan dan kemajuan dilakukan bagi memastikan rakyat mendapat pendidikan yang sebaiknya. Antaranya adalah usaha untuk memastikan anak-anak tidak tercicir dari dunia persekolahan dengan memberikan kemudahan pendidikan secara percuma, memperkenalkan pendidikan insklusif bagi anak-anak berkeperluan khas, penguatkuasaan akta pendidikan wajib yang menghendaki anak berumur 6 hingga 15 tahun untuk

hadir ke sekolah, pemberian kemudahan-kemudahan tertentu kepada para pelajar seperti pengangkutan darat dan laut, buku-buku teks, skim pemakanan sekolah, elaun pelajaran dan sebagainya (Pelita Brunei, Jun 2017).

Komponen Beraja dalam MIB ini jelas menerapkan elemen *Wasatiyyah* dari aspek keadilan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa sesuai dengan firman Allah Ta'ala (al-Ma'idah):

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى وَاتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ﴾

8. Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Kejayaan sistem beraja mengawal dan mengukuhkan perpaduan negara Brunei sudah tidak diragui lagi lantaran keamanan dan keharmonian yang dinikmati dari dulu sehingga kini sudah cukup untuk membuktikan keutuhan

sistem ini tambahan lagi dengan sikap berpegang teguh pada ajaran Islam dan mengamalkan semangat “kekitaan”, kemufakatan, tolak-ansur dan toleransi dalam kalangan pemimpin dan yang dipimpin.

Kesimpulan

Dengan menelusuri komponen Melayu, Islam dan Beraja dalam konsep MIB, jelas menggambarkan bahawa konsep *Wasatiyyah* memang wujud dalam konsep MIB, malahan sudah lama dan masih diterapkan dan diamalkan hingga kini oleh masyarakat Brunei. Konsep ini disifatkan sebagai dasar penyelamat masyarakat Brunei yang memandu masyarakatnya menuju ke arah menjadi *ummatan wasatan* dengan menjauhi segala bentuk perpecahan dan ketidaksepaduan ini. Untuk memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan terjalin erat di Brunei Darussalam, di samping mengekalkan jati diri bangsa dan survival negara dalam menghadapi pelbagai ujian dan cabaran globalisasi, Brunei perlu berpegang teguh dengan ajaran Islam dengan mengamalkan konsep amal maaruf dan nahi mungkar menerusi penghayatan dan pengamalan konsep MIB dalam semua aspek kehidupan, pembangunan dan pentadbiran.

Bibliografi

- Abdullah Basmaeh (2001), *Tafsir Pemimpin al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdul Qayyum Aminuddin & Mohd Anuar Ramli (2016), *Penggunaan Mazhab Selain Shafi'i dalam Fatwa Negara Brunei Darussalam dalam Jurnal Pengurusan*

- dan Penyelidikan Fatwa*, Vol.7 2016. Diakses pada 13hb Januari 2018.
- Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. 1094. Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.
- Aspirasi NDP (2009, Jun). "Falsafah Negara Teras Pembangunan Negara", http://www.aspirasindp.com/arkib/JUN2009/Falsafah_Negara_Teras_Pembangunan_Negara.html. Diakses pada 30hb Ogos 2015.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2013), Pendekatan Wasatiyyah dan Maqasid al-Syariah Dalam Bidang Ekonomi di Malaysia dalam *Wasatiyyah Pemacu Peradaban Negara*, Puterajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Al-Bayhaqi (1423), *Syuaab al-Iman*, India: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Fairuz Abadi (1426), *al-Qamus al-Muhith*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji (1996). *Pelaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Yahaya bin Haji Ibrahim, Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja*.
- Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Haji (1989), "Keberkesanan Ke Arah Penerapan Konsep Melayu Islam Beraja Di Dalam Struktur Kerajaan dan Negara". *Kertas kerja di dalam Kursus Kepimpinan Mahasiswa, Universiti Brunei Darussalam* pada Mac, 1989.

- Hazair bin Haji Abdullah, Dato Paduka Haji (2004), "Politik, Pentadbiran dan Wawasan: Perlaksanaan dan Hala Tuju" dalam *Kertas Kerja Seminar Hari Kebangsaan* 2004, <http://www.brunairesources.com/speeches/politik.html>. Diakses pada 31hb Ogos 2015.
- HMjubliemas (2017), "Pemeduliaan Kepada Rakyat" dalam Keluaran Khas Jubli Perak, http://www.hmjubliemas.gov.bn/SitePages/KeluaranKhasJubliPerak_5.aspx. Diakses pada 26hb Januari 2018.
- Ibn al-Athir (1399), *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris (1399), *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ismail Ibrahim, Prof.Dato Dr (2011), Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam dalam *Kertas PembentanganKonvensyen*,<http://ddms.usim.edu.my/bitstream/handle/123456789/5368/Konsep%20Wasatiyyah%3B%20Perspektif%20Islam.pdf?sequence=1>. Diakses pada 25hb Ogos 2015.
- Jabatan Penerangan (1991). *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang Tahun 1990*, Brunei Darussalam. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri.
- Mahayudin Haji Yahaya Ph.D (2014). "*MIB*" Misi Global Ke Arah Negara Zikir Berdasarkan Teori 'Umran, Bandar Seri Begawan: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

- Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (2010). *Pameran Melayu Islam Beraja*, Negara Brunei Darussalam, 26 Julai – 1 Ogos 2010.
- Mohd Zain bin Haji Serudin, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji (1998). *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zain bin Haji Serudin, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji (2013). *Anugerah Kefahaman Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Huda Yacob (2011), *Konsep al-Wasatiyyah dalam Gagasan 1 Malaysia: Satu Analisis*, <http://guidedlighted.blogspot.com/2011/03/al-wasatiyyah-dalam-gagasan1malaysia.html>. Diakses pada 25hb Ogos 2015.
- Pelita Brunei (2013, September). “Menjana Kelestarian Kefahaman Ahli Sunnah WalJamaah”, <http://www.pelitabrunei.gov.bn/haluan/item/5650-menjana-kelestarian-kefahaman-ahli-sunnah-waljamaah>. Diakses pada 30hb Ogos 2015.
- Pelita Brunei (2017, Jun), “Kasihnya Raja, Rakyat dicinta: 50 tahun pendidikan” dalam *Rencana Khas 50 Tahun Kekal Karar Menerintah di atas Takhta*, <http://hmjpubliemas.gov.bn/Documents/pdf/PB7Jun2017.pdf>. Diakses pada 21hb Januari 2018.
- Pengiran Hj Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman. 2011. *Islam di Brunei Darussalam Zaman British 1774-1984*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Qardhawi, Yusof (2010), *Kesederhanaan dalam Islam: Satu penerangan Islam dan Penanda Aras*. Pulau Pinang: Penerbit Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Institut Kajian Dasar.
- Sayyid Qutb (2000). *Tafsir fi Zilalil Quran*, terj, Yussof Zaky Haji Yacob. Kota Bahru: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Siti Sara dan Zurairatul Zakiah (2015), Dasar dan Strategi Bahasa Negara Zikir dalam *Kertas Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII*. Bandar Seri Begawan: UNISSA Brunei.
- Syekh Muhammad Mutawalli Sya'rawi (2004), *Tafsir Sya'rawi*, terj. Tim Safir al-Azhar. Jakarta: Penerbit Duta Azhar.
- Tanpa Nama Pengarang (1994). Brunei di Tengah-Tengah Nusantara dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan, NBD.